Membangun
Pemikiran Islam
Dalam Menghadapi Cabaran Zaman





Mohd Rumaizuddin Ghazali

Universiti Sains Islam Malaysia
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
Islamic Science University of Malaysia

Membangun

Pemikiran Islam

Dalam Menghadapi Cabaran Zaman



بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾

ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾

مَٰلِكِ يَوْمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

ٱهْدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ ٱلْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ

وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

Membangun
Pemikiran Islam
Dalam Menghadapi Cabaran Zaman

Mohd Rumaizuddin Ghazali

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
2011

Cetakan pertama 2011

® Hak cipta terpelihara Universiti Sains Islam Malaysia 2011

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Penerbit USIM,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06-798 6067 / Faks: 06-798 6083

Reka Letak & Urus Cetak:
DESIGN SELL
No. 4 Jalan 8/33B, Seksyen 8,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan
Tel / Faks: 03-8926 9709

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Mohd. Rumaizuddin Ghazali, 1971-
Membangun pemikiran Islam dalam menghadapi cabaran zaman /
Mohd Rumaizuddin Ghazali.
ISBN 978-967-5295-59-1
1. Islam-21st cantury. 2. Islam and state. I. Judul.
297

Kandungan

	Halaman
Prakata	i
Dedikasi Penulis	v
Mukadimah	vii
Bab 1	
Keagungan Ilmu dan Ilmuwan	1
Keagungan Ilmu	1
Ilmu yang Perlu Dimiliki Pendakwah	8
Peranan Ilmuwan dan Cendekiawan Muslim	14
Menjadikan Malaysia Pusat Ilmu Abad Mendatang	21
Masjid Pusat Penyebaran Ilmu	26
Tanggungjawab Graduan al-Azhar	31
Bab 2	
Nilai-nilai Agama dan Tajdid Pendorong Memperkasa Tamadun	39
Nilai-nilai Agama Pemangkin Tamadun	39
Tajdid Melahirkan Umat Berwawasan	43
Melahirkan Mahasiswa Berwibawa	49
Memperkasa Gerakan Dakwah Teras Kejayaan Umat	56

Bab 3

Keindahan dan Keadilan Syariat Islam 63
Keindahan Syariat 63
Manhaj Wasatiyyah Terus Relevan 75

Bab 4

Interaksi Terbaik dengan al-Quran 81
Hubungan Manusia dengan al-Quran 81
Memahami Keistimewaan al-Quran 89
Memahami Tujuan-tujuan al-Quran 92

Bab 5

Adab Menghormati Nabi SAW dan Sahabat r.a. 97
Adab dengan Nabi SAW 97
Islam Memuliakan Para Sahabat r.a. 102

Bab 6

Islam dan Kesenian 111
Islam Tidak Mengharamkan Seni 111
Seni Bina Masjid Menakjubkan Hati 117
Suara Wanita Bukan Aurat 122

Bab 7

Iman dan Akhlak 129
Akhlak Mulia Manifestasi Kesempurnaan Iman 129
Taubat Amalan Mulia 134
Kategori Hamba yang Bertaubat. 138
Manusia Terikat Dengan Perjanjian Tuhan 141
Keamanan Lambang Ketamadunan Sesebuah Negara 156

Bab 8

Kepentingan Perpaduan dan Keamanan dalam Mencipta Masa Depan Ummah 165
Adab Muzakarah dalam Islam 165
Gesaan al-Quran dan al-Sunah Terhadap Perpaduan Ummah 180
Konsep Peperangan dan Kedamaian 186
Sikap Terhadap Perang Siffin 191
Bersyura Sifat Orang Mukmin 192
Memperkasa Jati Diri Syarat Kekekalan Bangsa 198
Mencipta Masa Depan Ummah 203

Bab 9

Pembaharuan Fiqah Lonjak Kebangkitan Umat 211
Menjana Pemikiran Islam yang Dinamik 219
Memperkasa Institusi Kehakiman dan Hisbah 224
Etika Berfatwa Bagi Para Mufti 241
Keperluan Memahami *Maqasid al-Syari'ah* 245

Bab 10

Menjana Kepimpinan dan Pembangunan Islam 251
Pembangunan Islam Semakin Subur di Malaysia 251
Pilih Pemimpin Yang Berwibawa 256
Patriotisme : Tidak Salah di Sisi Islam 262

Penutup 273

Bibliografi 279

Indeks 287

Prakata

Dewasa ini bidang pemikiran Islam tidak sahaja bertumpu dalam perbincangan akademik di pusat-pusat pengajian tinggi negara tetapi ia juga telah mendapat tempat dalam perbincangan peringkat masyarakat umum. Bertambah menarik lagi ialah apabila perbincangan pemikiran Islam masa kini telah menyentuh pelbagai tajuk, isu dan peristiwa tanpa mengira batas sempadan masa dan tempat. Ini semua menyaksikan bahawa masyarakat pada umumnya sentiasa mahu menghubungkan sesuatu yang berlaku dalam kehidupan mereka dengan apa jua pengajaran yang terkandung dalam ajaran Islam yang suci ini.

Bidang pemikiran Islam pada hakikatnya telah lama bertapak dalam tradisi ilmu-ilmu Islam. Perdebatan di kalangan *mutakallimin* dalam membahaskan pengajaran dalam ilmu Aqidah adalah contoh klasik bagi perkembangan awal bidang pemikiran Islam. Ini juga telah diteruskan oleh ahli-ahli falsafah Islam dalam mengutarakan pemikiran mereka berkenaan pelbagai persoalan kehidupan dan keilmuan. Kedua-dua golongan *mutakallimin* dan *failasuf* Islam ini menggunakan kekuatan logikal dan rasional mereka dalam menguraikan segala permasalahan yang ada. Bidang pemikiran Islam ini turut mendapat tempat di kalangan ahli-ahli Sufi yang sentiasa menawarkan hikmah dan pengajaran mulia dalam usaha membentuk keperibadian yang unggul lagi menepati fitrah asalnya. Para mutasawwifin yang memiliki kesedaran yang tinggi terhadap kuasa mutlak Ilahi telah banyak megenegahkan pengalaman dan pemikiran mereka dalam

membongkar rahsia yang tersirat daripada pengamatan mereka terhadap hubungan antara Allah, manusia dan alam. Tegasnya, kesemua pengajaran dan pemikiran daripada pemikir-pemikir Islam dalam pelbagai bidang di atas sebenarnya hanyalah bertujuan untuk memelihara kesucian segala pengajaran yang terkandung dalam ayat-ayat suci al-Quran dan Hadith Nabi. Bidang pemikiran Islam tidak terhenti setakat pada perbincangan dalam ilmu kalam, falsafah dan tasawuf sahaja, malahan telah berkembang dengan lebih pesat dengan meliputi pelbagai disiplin ilmu. Ini dapat dilihat dengan penghasilan pelbagai hasil kerja para cendekiawan Islam dalam pelbagai bidang antaranya syariah, politik, ekonomi, kemasyarakatan, perundangan, pendidikan, tamadun dan sebagainya Perkembangan ini telah menyaksikan percambahan pemikiran yang sangat menarik di kalangan tokoh-tokoh pemikir Islam yang merakamkan pemikiran-pemikiran mereka melalui hasil kerja mereka yang sangat berkualiti.

Bidang pemikiran Islam seperti disiplin ilmu-ilmu Islam yang lain mempunyai beberapa keunikan dan peranannya yang tersendiri. Selain daripada hujahan kepada hujah-hujah daripada al-Quran dan Hadis, tokoh-tokoh pemikir Islam sentiasa merujuk kepada pandangan ulama-ulama muktabar. Justeru, penghasilan kerja dalam bidang pemikiran Islam sentiasa mengajak para pembacanya menghargai dan memandang tinggi sumbangan para cendekiawan Islam silam dalam pelbagai bidang ilmu. Berdasarkan ini, kita melihat bidang pemikiran Islam akan menyediakan hujah-hujah yang benar, tepat lagi jitu dalam membahaskan permasalahan semasa yang timbul sama ada mempunyai hubungan langsung dengan urusan agama atau urusan lain. Ini secara tidak langsung akan membawa pengkaji mengetahui asal-usul bagaimana para ulama membahaskan sesuatu isu atau peristiwa. Ini juga membantu para pembaca untuk mengetahui dan seterusnya memilih hujah-hujah yang baik dan tepat dalam menentukan sesuatu pendekatan terutamanya yang bersesuaian dengan permasalahan semasa. Selain itu, menariknya juga tokoh-tokoh pemikiran Islam sentiasa mampu melihat

sesuatu isu yang timbul daripada pelbagai perspektif dan idea. Sebagai contohnya, perbincangan konsep pembangunan ummah menurut Islam akan dibincangkan daripada perspektif syariah, ekonomi, politik pendidikan, seni binaan, perancangan bandar dan sebagainya.

Selain itu, bidang pemikiran Islam yang diasaskan daripada pemahaman serta pentafsiran para ulama Islam terhadap sumber tertinggi dalam Islam iaitu al-Quran dan Hadis amat berperanan dalam menjaga kesucian ajaran Islam daripada sebarang bentuk penyelewengan dan kesalahan. Secara umumnya, kecenderungan penyelewengan dan kesalahan boleh berpunca daripada kesalahan seseorang memahami sumber-sumber ilmu yang lazimnya berlaku kerana kegagalan menguasai kerangka pandangan (*worldview*) ilmu-ilmu Islam secara menyeluruh. Tambahan pula penyelewengan ini boleh juga berpunca daripada pengaruh ajaran-ajaran agama selain Islam atau daripada kerangka-kerangka ideologi pemikiran manusia yang tidak berpaksikan kepada pengajaran agama. Kebiasaannya, pemikiran yang bebas daripada nilai agama ini meletak manusia mempunyai pemikiran mutlak untuk membuat panduan bagi kehidupannya sendiri. Keadaan ini semakin rumit apabila terdapat golongan Muslim liberal memilih untuk membincangkan ilmu-ilmu Islam daripada kerangka pemikiran modenisme dan pasca modenisme yang meletakkan sesuatu kebenaran atau kesahihan itu bersifat relatif. Sifat mereka juga terserlah apabila mereka tidak menghargai tradisi warisan ilmu-ilmu Islam yang dipusakai oleh para ulama Islam lepas. Bahkan apa yang dibuat ialah memberi kritikan yang melampau terhadap pemikiran ulama-ulama silam.

Melihat kepada keadaan kekeliruan maklumat semasa yang diutarakan oleh pendokong Islam liberal atau pemikiran bebas agama, maka penghasilan kerja atau tulisan-tulisan ilmiah dalam bidang pemikiran Islam amat penting untuk membendung masalah ini daripada menjadi semakin kusut. Tambahan pula tokoh-tokoh pemikir Islam yang sentiasa berusaha menerangkan sesuatu keadaan dengan berteraskan gabungan daripada ilmu naqli dan ilmu

aqli dilihat dapat menerangkan sesuatu isu dengan pendekatan yang lebih bijaksana dan dinamik. Melihat kepada peranan semasa bidang pemikiran Islam, buku Membangun Pemikiran Islam dalam Menghadapi Cabaran Zaman boleh menjadi bacaan penting bagi mereka yang ingin mengetahui perbincangan tajuk-tajuk tertentu daripada perspektif Islam. Buku ini membekalkan banyak pemikiran tokoh-tokoh Islam yang lepas dan semasa untuk dijadikan panduan dalam menangani cabaran kekeliruan maklumat dan ilmu yang ditulis oleh sebahagian penulis Islam semasa. Hasil kerja ini boleh dibaca oleh semua peringkat pembaca tanpa mengenal latar belakang pendidikannya. Akhir sekali karya ini juga diharapkan dapat menyemarakkan lagi minat untuk menghasilkan bahan-bahan ilmiah di kalangan pensyarah-pensyarah USIM yang lain.

Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani
Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia

Dedikasi Penulis

Penulis mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada ibu bapa penulis Allahyarham Hj. Ghazali Din dan Allahyarhamah Hajah Rahmah bt. Mohd Rejab, isteri tersayang Rahimah Ismail, anak tercinta Farah Izzati semoga menjadi anak yang soleh serta keluarga yang banyak membantu dan memahami tugas saya sebagai seorang dai' serta semua pihak yang memberi kerjasama dalam menerbitkan buku ini. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada pensyarah Fakulti Kepimpinan dan pengurusan, USIM terutama Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani, Dr. Adanan Mat Junoh, Dr Zulkiplee Abd. Ghani dan Dr. Syamsul Bahri Andaligo. Tidak lupa juga kepada saudara Khairul Anuar Ramli yang menyunting buku ini, saudara Azizuddin Ahmad yang sering kali bertukar-tukar pandangan, Dr Wahbah al-Zuhaili dan Dr. Yusuf al-Qaradawi yang sering menasihati penulis untuk terus tabah dalam medan dakwah, (Mastura Anwar dan Zuaida Alidin). Ucapan terima kasih juga kepada guru penulis di Maktab Mahmud, matrik UIAM, Universiti Malaya dan al-Azhar terutama Syeikh Muhamad Sayyid Tantawi (Mantan Syeikh al-Azhar), Syeikh Mustafa (guru dalam pengajian al-Quran), Syeikh Ali Jumaah (Mufti Mesir) dan Syeikh Nuruddin al-Banjari (guru dalam bidang pengajian turath di

Masjid Fatah, Kaherah) dan Syeikh Wan Sulaiman Sidek (Syeikhul Islam Negeri Kedah) serta pihak penerbitan USIM terutama Puan Noor Adibah Mohamad. Semoga amal bakti ini diterima sebagai amal soleh di akhirat kelak.

Mohd Rumaizuddin Ghazali
Universiti Sains Islam Malaysia

Mukadimah

Saya bersyukur ke hadrat Allah di atas segala taufik dan hidayah-Nya, salam serta selawat ke atas nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat serta para tabi dan tabiin sehingga hari Kiamat.

Buku ini mengandungi sepuluh bab utama yang mengupas mengenai isu-isu semasa umat Islam dan juga pemerkasaan pemikiran Islam. Para sarjana Muslim menyebutkan bahawa antara faktor utama kelemahan umat Islam kini ialah krisis pemikiran. Oleh itu, dalam usaha mengembalikan kegemilangan umat Islam, ia harus bertitik tolak daripada pemikiran yang sebenar tentang ajaran Islam.

Bab pertama berkaitan dengan keagungan ilmu yang merupakan tuntutan Islam kepada umatnya yang terpenting. Kegemilangan Islam berkait rapat dengan keluasan ilmu pengetahuan. Sejarah telah membuktikan bahawa pembinaan tamadun Islam berteraskan kepada keilmuan yang tinggi. Perkara ini dalam dilihat melalui buku-buku Islam yang amat banyak, pertumbuhan perpustakaan Islam di serata dunia serta pusat-pusat pengajian yang masyhur. Di samping itu, penulis menyentuh mengenai peranan ilmuwan dalam membangunkan masyarakat dan peranan masjid dalam menyebarkan ilmu sepanjang zaman. Halaqah-halaqah ilmu di masjid merupakan tempat terpenting dalam mendidik generasi Islam pada zaman silam. Untuk mengembalikan kegemilangan tersebut maka penyegaran semula dari

sistem pembelajaran dan pengajian yang sesuai dengan perkembangan zaman terutama dari segi pendekatan dan teknik hendaklah dilaksanakan. Di samping itu, menjelaskan peranan dan tanggungjawab graduan al-Azhar apabila mereka pulang berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Bab kedua, penulis membicarakan tentang nilai-nilai agama sebagai pemangkin kepada tamadun yang hendak dibina dan persoalan tajdid. Termasuk dalam hal ini ialah pembaharuan dalam bidang pendidikan yang banyak disuarakan oleh tokoh-tokoh Islam di seluruh dunia. Tajdid merupakan satu keperluan dalam menghadapi tuntutan zaman dan lingkungan bagi menampung mana-mana perkara yang baru atau menampung mana-mana kecacatan yang timbul, menyempurnakan kekurangan yang wujud dan merawat mana-mana penyakit yang ada. Tajdid lahir dari gerakan di tengah-tengah rakyat lalu menyedarkan umat akan peranan mereka. Apabila agama Islam diserang dengan pelbagai tohmahan, bidaah dan penyelewengan maka akan lahirnya mujaddid yang menentang perkara tersebut dengan segala daya keimanan yang mantap dan mengembalikan roh Islam yang sebenar. Penulis juga menggariskan asas-asas penting dalam memperkasakan gerakan dakwah dalam konteks zaman kini.

Bab ketiga mengenai kedudukan syariat serta keindahannya. Keindahan syariat Islam ialah terletak pada sistem keadilan dan sesuai untuk sepanjang zaman, tempat dan lapisan masyarakat. Syariat Islam mempunyai keistimewaan kerana berpandukan wahyu dan sunnah serta mementingkan aspek moral dan akhlak. Umat Islam harus menghormati syariat Islam dengan sepenuhnya dan berusaha mengenalinya dengan sebaik-baik. Di samping itu, ia bertanggungjawab melaksanakannya dalam diri, masyarakat dan negara.

Bab keempat mengenai interaksi terbaik dengan al-Quran dan bagaimana al-Quran itu memberi suntikan untuk umat Islam maju dan berjaya dalam kehidupan mereka. Di samping itu, umat Islam harus memahami keistimewaan dan tujuan-tujuan al-Quran diturunkan. Sikap dan interaksi terbaik dengan al-Quran menyebabkan umat Islam dipandang tinggi dan mulia.

Bab kelima mengenai kedudukan nabi dan para sahabat sepertimana yang digariskan dalam al-Quran. Mereka ialah golongan yang mulia dan dirahmati Allah kerana kegiatan dakwah yang dilakukan oleh mereka. Pada zaman sekarang, banyak orang yang menghina para nabi dan sahabat sehingga melanggar batas-batas syariat sedangkan Allah memuliakan para nabi dan sahabat. Allah melarang sama sekali umat Islam meninggikan suara di hadapan nabi semasa baginda hidup mahupun setelah wafat apatah lagi sekiranya kita menghina atau mencercanya, maka dosanya adalah lebih besar.

Bab keenam mengenai kedudukan seni dalam Islam dengan mengambil pandangan para ulama Islam semasa dalam menghuraikan kedudukannya. Kesenian Islam ini merupakan aspek yang amat diperlukan oleh fitrah manusia. Kecantikan dan keindahan merupakan nikmat Tuhan yang terbesar kepada manusia. Melalui penghayatan kesenian tersebut, ia akan menambahkan rasa kekerdilan manusia di hadapan Allah sekali gus memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Penciptanya. Penulis juga menyebutkan kesenian membina masjid sebagai lambang ketakwaan, kemakrufan, kesahihan dan budi yang tinggi. Ia memberi kesedaran kepada manusia bagi memikir kedudukannya sebagai insan yang sebenar. Di samping itu, penulis juga menyentuh tentang kedudukan wanita yang kini ialah rakan dan penggerak kepada pembangunan negara. Oleh itu, kenyataan dan pendapat mengenai hal-hal wanita haruslah dilihat dalam bentuk realiti semasa.

Bab ketujuh mengenai peranan iman dan akhlak dalam mendidik umat Islam menuju kejayaan di dunia dan akhirat. Di samping itu, amalan taubat merupakan amalan mulia dan dituntut dalam setiap masa dan ketika. Penulis juga menjelaskan kedudukan zuhud dan pembersihan jiwa seperti yang digariskan oleh ajaran Islam yang sebenar.

Bab kelapan mengenai kepentingan perpaduan dan keamanan dalam mencipta masa depan ummah. Dalam bab ini, penulis menggariskan prinsip-prinsip serta adab untuk bermuzakarah, berdialog dan berbincang dalam sesuatu perkara. Perbincangan tersebut hendaklah berteraskan kepada akal yang sihat, pemikiran yang bernas serta perdebatan yang dilakukan dengan sebaik-baiknya. Penulis juga membicarakan mengenai gesaan al-Quran kepada perpaduan dan persaudaraan dengan mengambil contoh sirah perjuangan nabi. Penulis juga menerangkan mengenai syura dan kepentingannya dalam masyarakat Islam kini.

Bab kesembilan mengenai peranan fiqah dan juga seruan kepada kefahaman fiqah yang seperti yang dikehendaki oleh Islam serta adab-adab mufti dan pengenalan kepada maqasid syariah. Teori maqasid ini menekan kepada bentuk dan tujuan syariat dalam kehidupan. Dengan mengetengahkan teori usul fiqah ini, para ulama lebih moderat dan lebih universal dalam memandang syariat. Para ulama menyebutkan antara sebab jumud dalam bidang fiqah ialah disebabkan kelalaian dan kurang memberi perhatian oleh ulama-ulama terhadap maqasid syariah dan keperluan kepada tajdid fiqah. Maqasid syariat ialah mengetahui makna dan matlamat syariat dalam setiap hukum atau memahami matlamat daripada syariat dan rahsia dalam perkara yang telah ditetapkan oleh syarak dalam setiap hukum. Pengetahuan mengenai maqasid syariat merupakan satu keperluan umat Islam terutama apabila terdapat perbezaan pandangan.

Bab kesepuluh mengenai kepimpinan dan pengurusan terutama dalam konteks pembangunan Islam di Malaysia. Penulis menghuraikan mengenai ciri-ciri pemilihan pemimpin. Pemimpin yang berwibawa (*sultan qahir*) dalam sesebuah negara ialah pemimpin yang dapat mewujudkan ketenteraman dalam masyarakat dan konsisten dalam melaksanakan syiar-syiar agama. Di samping itu, mereka dapat menyatukan aspirasi masyarakat yang berbeza, mencegah pertikaian dan pemberontakan, menjaga agama agar dihayati, melindungi jiwa, kekayaan dan kehormatan warga negara serta menjamin mata pencarian mereka. Kewibawaan pemimpin seperti ini amat diperlukan sebab watak manusia cenderung kepada pertikaian, permusuhan serta keinginan menguasai orang lain. Oleh itu, negara akan menjadi kuat dan wujudnya kestabilan, jika terdiri daripada pemimpin yang berwibawa.

Islam merupakan agama dinamis. Umat Islam dituntut untuk memenuhi keperluan dan menyelesaikan masalah masyarakat dunia moden dengan lebih praktis dan mendalam. Persiapan ini perlu memandangkan Islam merupakan agama masa depan dan penganti kepada keruntuhan empayar Amerika. Menurut Roger Garaudy, seorang pemikir Islam dari Perancis bahawa Islam boleh menjadi pengganti kepada Orde Baru Dunia tajaan Amerika. Umat Islam tidak mungkin dapat *survive* sebagai seorang Muslim, secara individu atau sebagai sebahagian dari sebuah tamadun gemilang dan umat Nabi Muhammad SAW, sekiranya tidak dapat menangani cabaran yang dihadapkan oleh masyarakat moden kepada mereka. Mereka perlu memahami dunia moden kini dengan mendalam dan secara bijak serta menangani perubahan dan cabaran tanpa pengaruh emosi, tetapi atas asas ilmu yang sahih dan benar tentang dunia moden ini berdasarkan tradisi keilmuan Islam keseluruhannya.

Umat Islam harus memahami bahawa kekuatan musuh kita adalah dari kelemahan diri sendiri. Kewujudan kekuatan mereka disebabkan kelemahan dunia Islam dalam mengenali dirinya sendiri. Oleh itu, umat Islam harus membina kekuatan ilmu dan keluar daripada pemikiran yang terlalu terikat dengan tradisi silam. Mereka perlu membebaskan umat dari belenggu taklid, tasawuf yang menyeleweng dan budaya barat yang keterlaluan. Umat Islam perlu mengubah cara hidup dengan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, mengikuti sunnah yang betul serta memahami Islam secara mendalam. Persaingan dunia hari ini tidak akan berjaya dengan hanya berbekalkan kemunduran. Oleh yang demikian, umat Islam harus menguasai ilmu pengetahuan dan teknologi di samping bekerja dengan segala kesungguhan dan berkualiti dalam segenap bidang. Dalam mencipta masa depan umat, keseimbangan antara rohaniah dan madiah, antara wahyu dan akal, antara kekuatan ilmu dan kekuatan ekonomi amat perlu bagi merealisasikan nikmat Tuhan yang telah dikurniakan untuk manusia. Mencipta masa depan umat dengan berteraskan nilai-nilai kemanusiaan dan alam sejagat serta mengikut manhaj Ilahi.

Majoriti umat Islam di Malaysia malah di rantau ini telah berabad-abad lamanya menerima dan mengamalkan Islam berasaskan pendekatan aliran *Ahli Sunnah Waljamaah* hingga menjadi begitu dominan dan berwibawa. Hakikat ini telah menjadikan Malaysia malah rantau ini paling seragam dalam pegangan akidah, amalan syariah dan akhlak berbanding dengan masyarakat Islam di rantau lain. Keadaan ini secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kestabilan politik, masyarakat dan perpaduan ummah.

Perpecahan umat Islam disebabkan perpecahan antara mazhab dan kumpulan dalam akidah yang sekali gus melemahkan sektor politik umat Islam. Oleh itu pendekatan *Ahli Sunnah Waljamaah* yang sederhana harus disuburkan kerana ia tunggak kestabilan politik Malaysia dan kemakmuran

rakyat. Pendekatan Ahli Sunnah yang sebati dihayati oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam aspek akidah dan kepercayaan adalah fahaman dan aliran Asyairah dan Maturidiah. Aliran Asyairah yang diasaskan oleh Abu Hasan bin Ismail Asyaari (260H - 330H) dan aliran Maturidiah diasaskan oleh Abu Mansur Muhammad bin Muhammad Maturidi (w. 333H.). Kedua-dua aliran ini, fahaman dan pendekatan mereka sealiran dan sederhana. Fahaman kedua-dua aliran tokoh di atas sangatlah kukuh dan sukar dirungkai, terutamanya di kalangan orang awam. Masyarakat Islam serantau akan merasa ganjil dan resah apabila terdapat aliran lain yang berbeza daripada anutan mereka. Dalam konteks ini, kekuatan pegangan masyarakat Islam Malaysia kepada aliran Asyairah dan Maturidiah dapat dilihat menerusi kitab akidah yang menjadi bahan pengajian dan sumber rujukan sama ada di institusi pengajian formal atau di institusi tidak formal seperti pengajian halaqah di masjid atau surau. Kitab berorientasikan aliran Asyairah dan Maturidiah digunakan sebagai rujukan seperti kitab Ihya' Ulumiddin al-Ghazali, Ibanah oleh Abu Hassan al-Ashaari dan lain-lain. Penulis berharap agar buku ini dapat memberi manfaat kepada umat Islam dalam membina keperibadian Muslim yang sejati dan kegemilangan ummah. Penulis berharap agar amal ini dapat dijadikan sebagai amal soleh di akhirat kelak.



Penutup

Umat Islam perlu menghayati ajaran Islam yang sebenar dalam membangun pemikiran Islam. Pemikiran yang berteraskan bimbingan wahyu dan hadis serta penggunaan akal yang seimbang. Allah memperingatkan umat Islam tentang sebab-sebab kejatuhan yang menimpa umat yang terdahulu sebagai pengajaran dan pelajaran. Antara sebab utama kejatuhan mereka ialah perselisihan dan hilang adab kesopanan dalam berbeza pendapat. Perselisihan pendapat yang keji yang menyebabkan perpecahan adalah sesuatu dari yang menyimpang dari ajaran Islam. Kebanyakan orang Islam pada hari ini bukan menderita kerana kekurangan benda dan keperluan, sebaliknya mereka bertukar menjadi umat yang lemah dan rosak pemikiran kerana mereka telah hilang makna perpaduan dan kesatuan, tidak bersandarkan kepada syariat Allah dan kecederaan dalam pemikiran mereka. Berdasarkan hal tersebut, mesti ada usaha untuk pembinaan semula dengan mengembalikan disiplin dalam cara berfikir.

Pembangunan Islam merupakan pembangunan yang membawa manusia mendekatkan diri manusia kepada Tuhannya dan menghayati nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka. Ini berbeza dengan pembangunan sekular yang hanya mementingkan aspek ekonomi dan pembangunan fizikal semata-mata dan hanya mencari keuntungan duniawi semata-mata. Fungsi utama Islam ialah untuk memimpin pembangunan manusia mengikut perspektif yang betul dan ke arah yang sebaik-baiknya.

Pemikiran Islam merupakan ijtihad dan pandangan yang telah dikemukakan dalam isu-isu yang berkaitan dengan keislaman yang berdasarkan kepada sumber-sumber muktabar dalam Islam iaitu al-Quran dan al-Sunah dan kedua-dua sumber tersebut membimbing akal manusia untuk membangunkan manusia dan alam ini. Pemikiran Islam yang dinamik ialah pemikiran yang mengatakan bahawa urusan-urusan dunia dan kemanusiaan perlu ditangani menurut perkembangan semasa kerana sesuatu yang diputuskan pada sesuatu zaman ketika dahulu tidak semestinya kekal dan sesuai dengan zaman sekarang. Oleh itu, ia memerlukan ijtihad dari para ulama dan sarjana Muslim. Oleh itu, pemikiran Islam memerlukan ijtihad bagi orang yang mempunyai keahlian dalam bidang tersebut.

Pendidikan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam Islam. Ini dibuktikan dengan wahyu pertama yang disampaikan kepada nabi Muhamad SAW yang menyuruh baginda membaca.. Di samping itu, wahyu ini juga mengandungi suruhan belajar mengenali Allah SWT, memahami fenomena alam serta mengenali diri yang merangkumi prinsip-prinsip akidah, ilmu dan amal. Ketiga-tiga prinsip ini merupakan teras kepada falsafah pendidikan Islam. Pendidikan menurut Islam ialah satu proses berterusan untuk merubah, melatih, dan mendidik akal, jasmani, dan rohani manusia dengan berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu bagi melahirkan insan yang bertakwa dan mengabadikan diri kepada Allah SWT untuk mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat. Dalam hal ini, pendidikan Islam membentuk dan mencipta tokoh pembangun, watak yang bermoral dan berfikir secara realistik. Pendidikan Islam mencungkil semua bakat yang dimiliki untuk membentuk manusia yang mempunyai sikap hidup positif , produktif dan gaya juang yang tinggi.

Antara aspek pendidikan terpenting ialah pendidikan keimanan iaitu hati yang hidup dan berinteraksi langsung dengan Allah iaitu hati yang yakin pertemuan dengan Allah, mengharap selalu rahmat-Nya, Ini kerana hakikat manusia tidak terletak pada rupa bentuk tetapi kepada hati dan hati

inilah yang menjadi tilikan Ilahi. Oleh itu, umat Islam perlu menghidupkan hati menuju keredhaan Allah. Dalam profesion dakwah, penyakit hati yang selalu menimpa orang dakwah ialah ingin populariti, lupa diri dan cinta benda dan pangkat. Oleh itu, Rasulullah mengingatkan kita agar menjauhi penyakit ini–gila harta, gila pangkat dan riya'. Oleh itu, tujuan pendidikan rabbani ialah melahirkan golongan terpelihara dari penyakit-penyakit tersebut. Berapa ramai pendakwah yang memiliki keperibadian yang melakukan kebajikan dalam gerakan selama ini, tetapi tak dikenal orang, banyak memberi dan sedikit meminta, mengorbankan seluruh harta dan jiwa tanpa mengumumkan namanya dan perbuatannya.

Umat Islam memerlukan ilmu sains sebagai salah satu sebab kejayaan mereka dalam memimpin dunia pada hari ini. Ilmu sains tersebut perlu selaras dengan syariah Islam, berlandaskan tauhid yang menegaskan mengakui keesaan Allah dan mempercayai kesatuan dalam ilmi. Di samping itu menggambarkan aspek pandangan alam (*worldview*) yang berlandaskan ajaran Islam. Kegagalan umat Islam kini disebabkan mereka tidak menguasai ilmu sains. Penguasaan umat Islam terhadap ilmu sains akan mengukuhkan kepercayaan kepada Allah. Kelemahan dalam ilmu sains menyebabkan umat Islam bergantung sepenuhnya kepada orang lain terutama dari segi ketenteraan dan teknologi maklumat. Dalam Islam pembangunan ummah sepatutnya merangkumi aspek kekuatan akidah, kekuatan ilmu, kekuatan budi pekerti, kekuatan ekonomi, sains dan teknologi, kekuatan ikatan masyarakat, kekuatan susunan perdamaian dan kekuatan jihad. Perkara yang dikhuatiri terjadi apabila sains dan teknologi yang tidak dipandu dengan nilai-nilai keagamaan dan keimanan yang tinggi akan lebih banyak mendatangkan kerosakan daripada kebaikan. Tanpa iman, manusia akan menjadikan nafsunya sebagai panduan. Oleh kerana nafsu tidak terbatas, maka kehendak nafsu juga tidak terbatas dan terkawal, akhirnya menjadikan sains dan teknologi hilang roh dan jiwa murninya untuk memakmurkan alam. Ternyata sekali bahawa dalam Islam sains dan teknologi amat diperlukan

dalam proses pembangunan ummah. Tetapi pembangunan sains dan teknologi mestilah dilaksanakan dalam usaha untuk membangun ummah secara keseluruhannya. Sains dan teknologi perlu dibangunkan dalam acuan pembangunan yang lebih besar, yang dapat memastikan keharmonian pembangunan insan secara menyeluruh. Oleh itu, perlu difahami bahawa yang disifatkan sebagai pembangunan insan bukan sekadar membangunkan sains dan teknologi sahaja. Jatuh bangun tamadun silam bukanlah terletak kepada penguasaan sains dan teknologi. Tamadun silam jatuh kerana terdapat segolongan insan yang mementingkan diri sendiri, lantas sains dan teknologi dijadikan wahana terpenting memenuhi kehendak peribadi ini. Akhirnya dukungan ke arah memperkasa umat menjadi lemah.

Di samping itu, umat Islam perlu memahami tasawuf secara betul. Tasawuf itu ialah suatu ilmu yang banyak memelihara dan memupuk unsur-unsur keislaman yang murni tetapi yang menyedihkan sekarang, ilmu tasawuf ini telah diresapi oleh anasir-anasir yang mungkar dan pemikiran-pemikiran asing yang bertentangan dengan ajaran Islam. Inilah penyebab kelumpuhan yang menimpa pemikiran umat Islam dalam berbagai-bagai bidang kehidupan. Keperluan umat Islam berinteraksi dengan tasawuf dan fiqah secara betul supaya memberi kesan kepada jiwa dan peningkatan sahsiah. Para fuqaha sibuk dengan muamalat dan ibadat-ibadat yang zahir, manakala ahli pendidik (ahli tasawuf) sibuk dengan akhlak dan tarbiah. Pada hal banyak dari kalangan mereka (ahli fiqh) ketandusan kerohanian dan semangat. Sementara itu, banyak pula yang ketandusan ilmu untuk dijadikan pegangan dan undang-undang iaitu dari kalangan ahli tasawuf. Natijahnya timbul kegoncangan dan kemelut dalam pemikiran Islam. Hal ini disebabkan kerana terpisahnya fiqah daripada tasawuf atau terpisahnya tasawuf daripada fiqah telah merosakkan umat sehingga terdapat orang-orang yang suka beribadat dan melakukan bid'ah, tidak memiliki kesedaran dan ilmu pengetahuan. Manakala mereka yang sibuk dengan pelbagai rupa ibadat dan fiqah, tidak memiliki kerohanian dan kekhusyukan.

Perkara ini menimbulkan kepincangan dalam masyarakat Islam yang perlu diperbetulkan.

Manhaj wasatiyyah perlu disuburkan kerana ia merupakan manhaj dakwah Rasulullah SAW dan ternyata ia adalah manhaj yang membawa kepada kesejahteraan manusia sejagat. Di samping itu, penyuburan budaya ilmu dengan halaqah-halaqah ilmu di masjid, penerbitan buku ilmiah dan pemantapan kesepaduan ilmu adalah penting dalam konteks pembinaan tamadun di Malaysia. Antara keutamaan dakwah di Malaysia kini ialah memperkasakan generasi belia dengan kefahaman Islam yang sebenar sehingga lahirnya belia-belia dan pemimpin yang berwibawa. Di samping itu, berdakwah kepada orang bukan Islam dan menerangkan mengenai keindahan agama Islam.

Bibliografi

'Abd al-'Aziz, Samir (t.t), *Al-Fath al-Mubin fi Manahij al-Mufassirin*, Universiti al-Azhar, Kaherah.

'Abd al-Fatah, Ahmad, *Mafhum al-Shura fi 'Amal al-Mufassirin*, Kaherah: t.p.

'Abd al-Ghafar, Muhammad (1996), *Tadaruj fi Tatbiq al-Shari'at al-Islamiah*, Kuwait: al-Lujnah al-Istissyariyyah al-Ulya.

'Abd al-Halim Mahmud (1991), *al-Masjid wa Atharuhu fi al-Mujtama' al-Islami,* Kaherah: Dar al-Manar'.

'Abd al-Jabbar, Muhammad dan 'Id, 'Abd al-Razzaq 'Id (1999), *al-Dimoqratiyyah bayn al-'Ilmaniyyah wa al-Islam,* Beirut: Dar al-Fikr

'Abd al-Mu'im, Fu'ad (1990), *Mubda' Masawah fi al-Islam*, Iskandariah Mu'assasah Shabab al-Jami'ah.

'Abd al-Mutalib, Rafa'at Fawzi (1986), *al-Wahdah Mawdu'iyyah li Surah al-Qur'aniyyah*, Kaherah: Dar al-Salam.

'Abd al-Wahhab Khallaf (1988), *Al-Siyasah al-Shar'iyyah*, Kuwait: Dar al-Qalam.

'Alim, Yusuf Hamid, al-, (1991), *al-Maqasid al-Ammah li Shari'at al-Islamiah*, USA: IIIT.

'Atar, Nur al-Din,(1993), *'Ulum al-Qur'an,* Damsyiq: Dar al-Khayr.

'Imarah, Muhammad, (1998), *al-Islam wa al-Amn al-Ijma'iyy,* Kaherah: dar al-Shuruq.

_____(2003), *Mustaqbalina Bayn al-Tadjid al-Islami wa al-Hadathah al-Gharbiah,* Kaherah: Maktabah al-Shuruq.

_____,(2005), *al-Masru' al-Hadari al-Islami*, Kaherah: Dar al-Salam.

A.Aziz Deraman (2000), *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A.Hasjmy (1984), *Di Mana Letaknya Negara Islam*, Surabaya: Bina Ilmu.

Abadi, Sham al-Haq, *'Aun al-Ma'bud Sharah Sunan Abi Daud* (1990), Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiah.

Abdul Monir Yacob (Peny.),(1996), *Etika Hakim dan Peguam*, Kuala Lumpur: IKIM

Abdul Rahman Embong (2001), *Negara–Bangsa Proses dan Perbahasan,* Bangi: Penerbit UKM.

Abu Daud (t.t), *Sunan Abi Daud,* Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Abu Faris, Muhammad Abdul Qadir (1988), *Hukm al-Shura Wa Natijatuha,* Amman: Dar al-Furqan.

Ahmad bin Ali al-Mathani (1984), *Musnad Abu Ya'ala*, Damsyiq: Dar al-Ma'mun.

Ahmad bin Hanbal (t.t). *Musnad al-Imam bin Hanbal*, Kaherah: Mu'assasah Qurtubah.

Ahmad Kamal Abdullah (1990), *Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Shabery Cheek (1987), *Warisan Shariati*, Kuala Lumpur: Ikraq.

Ahmad Shalabi. (1991), *al-Tarbiah wa al-Ta'lim*, Kaherah: Nadhah al-'Arabiah,

Ahmad, Akbar S. (1986), *Discovering Islam: Making Sense of Muslim History and Society,* New York: Routledge.

Amir A. Rahman (1992), *Pengantar Tamadun Islam,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Attas, Syed Muhamad Naquib, al-, (1977), *Islam Faham Agama Dan Asas Akhlak,* Kuala Lumpur: ABIM.

Auni Hj. Abdullah (2000), *Hisbah dalam Pentadbiran Negara,* Kuala Lumpur: IKDAS.

Banna, Hassan, al-, (2002), *Majmu'ah al-Rasa'il*, Kaherah: Dar al-Da'wah

Beg, Muhammad Abdul Jabbar (1981), *Fine Art in Islamic Civilization*, Kuala Lumpur: The Universiti of Malaya Press..

Biazar, Abdul Karim (1989), *Perjanjian Ilahi dalam al-Quran*, Jakarta: Penerbit Yapi.

Bikr, Muhammad Abd al-Rahman, al-, (1988) *al-Sultah al-Qada'iyah wa Shakhsiat al-Qadi fi al-Nizam al-Islam,* Kaherah: al-Zahra' al-'ilam al-'Arabi.

Bukhari, al- (1987), *al-Jami' al-Shahih* (peny. Mustafa al-Bugha), Beirut: Dar Ibn Kathir.

Buraey, Muhammad, al-, (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam,* (Terjemahan Abdullah Md. Noor), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buti, Muhammad Sa'id Ramadan, al-, (1987), *Manhaj al-Hadarah al-Insaniah fi al-Qur'an*, Damsyiq: Dar al-Fikr.

_____,(1992), *Dawabit al-Maslahah,* Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Covey, R. Stephen, (1996), *7 Tabiat Orang yang Amat Berkesan*, Petaling Jaya: Prentice Hall (M) Sdn. Bhd.

Dardir, 'Abd al-'Aziz, al-, (t.t), *al-Tafsir al-Mawdu'iyy*, Kaherah: Maktabah al-Qur'an.

Darini, Fathi,al-, (1982), *Khasa'is al-Tasri' al-Islami,* Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Esposito, John L, dan O. Voll, John O, (1999), *Demokrasi di Negara-Negara Muslim* (pentj. Rahmani astute), Jakarta: Penerbit Mizan.

Esposito, John L. (1987), *Islam in Asia :Religions,Politics and Sociecty*, London: Oxford University Press.

Faruqi, Isma'il Raji, al-, (1986), *Toward Islamic English*, Herdon, Virginia: IIIT.

_____, (1989), *Islamization of Knowledge, General Principles and Work Plan*, Virginia: IIIT.

Franz Rosenthal (1992), *Keagungan Ilmu,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ghazali, Muhammad,al-, (1988), *Dustur al-Wahdah Thaqafiyyah bayn al Muslimin*, Kaherah: Dar al-Wafa'.

_____, (1986) *Nazarat fi al-Qur'an*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Islamiah.

_____, (1992a), *Kayfa Nata'amal Ma 'a al-Qur'an*, Kaherah: Dar al-Wafa'.

_____, (1992b), *Nahw al-Tafsir al-Mawdu'iyy*, Kaherah: Dar al-Shuruq.

_____, (1994), *Qadaya al-Mar'ah,* Kaherah: Dar al-Shuruq

_____, (t.t), *Misr bayn al-Dawlah al-Diniyyah wa Dawlah al-Madaniyyah,* Kaherah: al-Dar al-Misriyyah.

H.M Toha Yahya Omar (2002), *Haramkah Muzik, Menyanyi dan Menari*, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.

Hashim bin Hj. Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Hasri, Ahmad Muhammad,al-, (1993), *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah li Fiqh al-Islami*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyyah.

Hassan, Ibrahim Hassan (1988), *Sejarah Islam (siri Ketujuh),* Ternggan u: Yayasan Islam Terengganu.

Helmi, Muhamad Mustafa, *Keruhanian Dalam Islam,* (Terj. Abdul Shukor Hj. Husin), Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.

Hwang, In-Wong (2003), *Personalized The Politics Malaysian Stataes Under Mahathir,* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

I.Doi, Abdur Rahman (1995), *Undang-Undang Syariah,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Abil Dem (1987), *Adab al-Qada'*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.

Ibn Ashur, Muhammad,(2009), *Maqasid al-Syari ah al-Islamiah,* kaherah, Dar al-Salam.'

Ibn Manzur (t.t), *Lisan al-'Arab*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, Kaherah.

Ibn Taimiyah (1993). *Al-Siyasah al-Shar'iyyah Fi Islah al-Ra'i wa al-Rai'yyah,* Riyadh: Maktabah Mu'ayyad.

_____, (1396H), *Majmu' al-Fatawa*, Beirut: Dar al-'Arabiyyah.

_____, (t.t), *Hisbah fi al-Islam*, Makkah: Mu'assasah Mekkah.

Inan. Muhamad Abdullah (1958), *Tarikh al-Jami' al-Azhar,* Kaherah :Muassasah al-Khanji.

Iraqi, Rida Muhamad,al-, (2007), *al-Azhar fi Muwajahah al-Tiyarat al-Fikriyyah,* Kaherah: Dar al-Nashirun li Tawzi'.

Jensen, Rolf (1999), *The Dream Society*. New York: Mc Graw-Hill.

Khaliq, 'Abd al-Rahman (1982) ,*Al-Shura fi Zilal Hukm al-Islami,* Kuwait: Dar al-Qalam.

Lukman Thaib (1995), *Syura dan aplikasinya dalam system Pemerintahan Masa Kini*, Kula Lumpur: Penerbit Elman.

Mahmud, 'Ali Abdul Halim (1991), *Fiqh al-Da'wah 'ila Allah*, Kaherah: Dar al-Wafa'.

_____, (1992) *Fiqh al-Da'wah al-Fardiah*, Kaherah: Dar al-Wafa'.

_____, (1995) *al-Tarbiah al-Ruhiah*, Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiah.

Malik Bin Nabi (1991), *Islam dalam Sejarah dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____, (t.t), *Fenomena al-Qur'an*, Kuwait: IIFSO.

_____, (1987), *Shurut al-Nadhah*, Damsyiq: Dar al-Fikr, Damsyiq.

Mallah, Hashim Yahya,al-, (1984), *al-Nizam al-Islamiah*, Beirut: Maktabah al-Tarbiah al-'Arabi li Dul al-'Arabiyah.

Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor (1995), *Aspek-Aspek Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maududi, S.Abul A'lam,(1987), *Jatuh Bangun Sesuatu Bangsa*, Alor Setar: Pustaka Ikhwan.

Mawardi, al-, (1990), *al-Ahkam al-Sultaniah*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.

Mohamad Abu Bakar (1996), *Manusia Akademik Sebagai Intelektual?* Pemikir, April-Jun.

Mohd Rumaizuddin Ghazali (2003), *Panduan Berdakwah Kontemporari*, Bentong: PTS Publications.

_____, (2005), *Sains Politik Islam*, Bentong: PTS Publication.

_____, (2005), *Tokoh Dakwah Kontemporari*, Petaling Jaya: Tradisi Ilmu.

_____, (2010), *Tafsir Tematik Fi Zilal al-Rahman*, Kuala Lumpur: IKDAS dan ABIM.

Muhamad Kamil Abdul Majid (2000), *Tajdid Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muhammad Syukri Salleh (etl) (1990), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Musa, Muhammad Yusuf (t.t)., *Nizam al-Hukm fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.

Muslim (t.t), *Shahih Muslim*, Beirut: Dar al-Jil

Mustafa, Ali Khalil, (1990), *Qiraat Tarbawiyyah fi Fikr Abi al-Hassan al-Basri al-Mawardi,* Kaherah: Dar al-Wafa'.

Nadwi, Abu Hasan,al-, (1991), *Kepada Mahasiswa*, Surabaya: Pustaka Progressif, Surabaya, 1991

_____, (1992) *Pendukung Panji-Panji Islam Sepanjang Zaman*, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Islam Tradisional

_____, (1999), *Madha khasira al-Alam binkhitat al-Muslimin,* Damsyik: Dar al-Qalam

_____, (1996), *Rabbaniah La Rahbaniah*, Lacknow: al-Mujma' al-Islami al-'Ilmi.

Naisbitt, John, (1999), *Hightech High Touch*, London: Nicholas Brealey Publishing.

Nawawi,al-, (1991), *Riyadh al-Salihin*, Beirut: Dar al-Khayr

Nuruddin Mukhtar al-Khadimi,(1421H), *Ilmu al-Maqasid al-Shari'ah,* Maktabah al-Abikan: Riyadh.

Osman Bakar (1992), *Classification of Knowledge in Islam, Kuala Lumpur:* Institut Kajian Dasar.

Osman, Muhamad Fathi (1984), *Min Usul al-Fikr al-Siyasi al-Islamiah*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

_____, (1997), *Concepts of the Qur'an: A Topical Reading,* Kuala Lumpur: ABIM

Othman Mohd Yatim (1989), *Kesenian dalam Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Qaradawi, Yusuf, al-, (1984), *al-Azhar bayn al-Ams wa al-Yawm,* Kaherah: Maktabah Wahbah.

(1985), *Kritik dan saran untuk para da'i*, Kuwait: IIFSO,

_____, (1991a), *Thaqafah al-Da'iyyah*, Kaherah: Maktabah Wahbah

_____, (1991b), *al-Rasul wa al-'ilm*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

_____, (1992), *al-Fatwa bayn al-Indibat wa al-Tasayyab*, Kaherah: Dar al-Sahwah

_____, (1993a), *al-Fatawa al-Mu'asarah*, Kaherah: Dar al-Wafa'.

_____, (1993b), *Shari'at al-Islamiah*, Kaherah: Dar al-Sahwah.

_____, (1994a), *al-Thaqafah al-'Arabiah al-Islamiah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (1995a), *al- Islam Hadarah al-Ghad*, Kaherah: Maktabah Wahbah

_____, (1995b), *Al-Hayat al-Rabbaniyyah wa al-'ilm*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (1995c), *Min Ajl al-Sahwah al-Islamiah,* Kaherah: Dar al-Wafa'

_____, (1996a), *al-Islam wa al-Fan*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (1996b), *al-'Aql wa al-'Ilm*, Kaherah: Maktabah Wahbah

_____, (1996c), *Fatawa al-Mar'ah al-Muslimah,*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (1997a), *Min Fiqh al-Dawlah*, Kaherah: Dar al-Shuruq

_____, (1997b) *Khatab Shaykh al-Qaradawi*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (1997c), *Mustaqbal al-Usuliah al-Islamiah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (1998), *al-Siyasah al-Shar'iyyah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (2000a), *al-Tawbah 'Ila Allah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (2000b), *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an,* Kaherah: Dar al-Shuruq.

_____, (2000c), *Min Fiqh al-Awwlawiyyat*, Kaherah: Maktabah Wahbah

_____, (2000d), *al-Muslimun wa al-'Aulamah*, Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr

_____, (2000e), *al-Sahwah al-Islamiah bayn al-'amal wa al-Mahadhir*, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

_____, (2001), *Al-Awlawiyyat al-Harakah al-Islamiah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (2003), *Khasa'is 'Ammah li al-Islam*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (2004a), *Ayna al-Khulul,* Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (2004b), *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu'asir*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____, (2006), *Dirasah fi Fiqh al-Maqasid al-Shari'at,* Kaherah: Dar al-Shuruq.

_____, (t.t), Fatwa Ulama Besar Prof. Dr Yusuf al-Qaradawu Mengenai Isu Fitnah, t.p.

Qarafi, Shahab al-Din Abu 'Abbas, al- (2001), *Kitab al-Furuq*, Kaherah: Dar al-Salam

Qasimi, Zafir, al-, (1992), Nizam al-Hukm Fi al-Syari'at wa al-Tarikh, Beirut: Dar al-Malayyin.

Qattan, Mana',al-, (1991), *Ma'uqat Tatbiq al-Syari'at al-Islamiah*, Kaherah: Maktabah Wahbah

Quraisyiy, 'Ali,al-, (1998), *Malik bin Nabi dan Pergolakan Sosial*, Kuala Lumpur: YADIM

Qusayri al-Misri,al-, (2002), *al-Ilmam bi Hadith al-Ahkam*, Beirut: Dar Ibn Hazm

Qutub, Muhamamd (1991), *Dirasat al-Qur'aniyyat*, Kaherah: Dar al-Shuruq.

_____, 1992) *Salah faham Terhadap Islam,Kuwait:* IIFSO

Qutub, Sayyid, (1985), *Kesebatian Fikrah dan Sejarah menurut Islam,* Kuala Lumpur: AlHaramian Sdn. Bhd.

Raisuni, Ahmad,al, (1992) *Nazariat al-Maqasid Inda Imam al-Syatibi*, Herndon: IIIT

_____, (2009), *Muhadarat fi Maqasid al-Syari'ah*, Kaherah: Dar al-Salam

_____ (2010), *Madkhal 'ila Maqasid Syari'ah*, Kaherah: Dar al-Salam..

Shaltut, Mahmud, (t,t) *al-Islam, Aqidah wa Syari'ah*, Kaherah: Dar al-Shuruq.

Shawi, Tawfiq,al-, (1992), *Fiqh al-Shura*, Kaherah :Dar al-Wafa'.

Siddiq Fadhil,(1992), *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

_____, (2002), "Menyorot Situasi Kecendekiawan Muslim Masa Kini" dalam Risalah ABIM, April-Mei.

_____, (2005), *Pemerkasaan Bangsa Peranan Kepimpinan Agama dan Budaya*, Petaling Jaya: Inmind

Tantawi, Muhammad Sayyid,(1997), *Adab al-Hiwar fi al-Islam,* Kaherah:Nadhah Misr.

Sya'ban Muhammad Ismail (1988), *Qawl al-Sahabi wa 'Atharuhu fi al-Fiqh al-Islami,* Kaherah: Dar al-Salam.

Turmidhi,al-, (t.t), *al-Jami' al-Saghir Sunan al-Turmidhi*, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath.

Ulwan, Abdullah Nasih (1984), *Mu'alim al-Hadarah fi Islam*, Kaherah: Dar al-Salam.

_____, (1990) *Muhadarat fi Syari'at al-Islamiah*, Kaherah: Dar al-Salam.

_____, (1991) *Thaqafah al-Da'iyyah*, Kaherah: Dar al-Salam

Wan Izudin, pent,(1991), *Pesanan Untuk Para Pemimpin*, Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan Insan.

Wasil, Nasr Farid, (1980), *Muhammad Pejuang Islam dan Kedamaian*, Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu

Wasli, Abdullah Qassim,al-, (1990), *al-Masjid wa 'Atharuhu fi Tarbiah al-Ajyal*, Kaherah: Dar al-Tawzi' li Nashr al-Islamiah.

Zahabi, Muhammad Husain,al-, (1991), *al-Syari'at al-Islamiah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Zaidan, Abdul Karim (1990), *Madkhal li Dirasat al-Syari'at al-Islamiah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

Zeidah, A. Nacola, (1966), al-Hisbah wa al-mustasib fi al-Islam, Beirut: Maktabah al-Kathulikiyah.

Zubaidi, al- (1989), *Ithaf Sadat al-Muftaqin*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.

Zuhaili, Wahbah, al, (1991), *Tafsir al-Munir,* Damsyik: Dar al-Fikr.

Indeks

'Izzah 7,85

Abu Darda' 1

Ahli sunah waljamaah 42, 106

Al-Maududi 25, 192, 199, 201

Al-Mawardi 155, 188, 222, 223, 230, 231, 233, 234, 235, 236, 245, 255, 258, 281

al-Nawawi 2, 3, 79, 128, 137, 157, 240

Baghdad 20, 27, 29, 23, 263, 264

Bai'ah 102, 106, 137, 142

Cendekiawan 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 23, 284

Cordova 20

Damsyik 1, 27, 29, 118, 281, 285

Dewan solat 116

etika hakim 226, 227, 228, 276

Fathi Osman 60

Halaqah 26, 27, 28, 29, 20, 273

Hasan al-Turabi 217

Hassan al-Banna 25,193, 264, 265, 266 , 267

Ibn Khaldun 32, 39, 115, 231, 232

Ibn Miskawaih 125,126

Ihsan 21, 158

Intektual 24, 25

Islah 21, 36, 42, 46, 55, 56, 84, 279

Jamhur ulama 11, 103

Kaherah 20, 30, 31, 275, 276, 277, 278, 279, 280, 281, 282, 283, 284, 285

Lois Lamya al-Faruqi 113
Malaysia 20, 21, 22, 25, 34, 35, 36, 37, 48, 60, 76, 190, 196, 211, 249, 252, 273, 276, 280
Malik bin Nabi 40, 43, 280, 283
Masjid al-Azhar 27, 30, 31, 32
Masjid Nabi 25
Masjid Umawi 27, 29
Menara 24, 116, 117, 118
Mihrab 116, 117
Mimbar 116, 117, 121
Muhamad al-Ghazali 124
Muhammad 'Abduh 201
Muhammad Iqbal 201, 202
Mujtahid 106, 239, 242
Mukjizat 9, 67, 88, 91, 163, 172
Patriotisme 260, 264, 267
Pembangunan Islam 24, 249, 251, 252, 253, 253, 269
Perang Badar 192
Piagam Madinah 181
Rahmat 5,9, 26, 28, 61, 71, 80, 81, 82, 90, 93, 98, 104, 105, 131, 132, 133, 137, 158, 177, 178, 188, 194, 196, 217, 229, 245, 264, 270
Rashid Rida 85, 201
Sahabah 100
Sayyid Qutub 25, 85, 144, 202
Shakib Arsalan 200
Syed Husein al-Attas 18
Tajdid 21, 40, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 74, 280
Tamadun Melayu 42, 276, 278
Ulul Albab 14, 18, 138, 140
Universiti al-Azhar 48, 275
Wahbah al-Zuhaili 210
Yahudi 10, 69, 70, 139, 141, 152, 181, 210, 258

Buku ini membicarakan isu-isu semasa umat Islam dalam membina tamadun Islam yang cemerlang. Penulis mengulas setiap isu tersebut dengan melihat realiti semasa dengan berpandukan al-Quran dan al-sunnah serta pandangan sarjana Muslim. Antara kupasan menarik dalam buku ini seperti tradisi keilmuan Islam dengan melihat peranan pengajian halaqah dan harapan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan terutama dalam bidang pengajian Islam. Penulis juga mengulas mengenai pembaharuan dalam konteks fiqah, hubungan kaum Muslimin dengan al-Quran, kesenian, peranan pelajar agama terutama graduan al-Azhar dan juga ciri-ciri kepimpinan berwibawa. Buku ini amat baik dibaca oleh semua lapisan masyarakat yang ingin memahami isu-isu Islam kontemporari.

Biodata Penulis

Mohd Rumaizuddin Ghazali dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada tahun 1971. Mendapat pendidikan menengah di Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah. Setelah itu melanjutkan pelajaran di Pusat Matrikulasi UIAM, kemudian melanjutkan ke Universiti al-Azhar dalam bidang Bahasa Arab (1995). Pada tahun 1998 melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan beliau mendapat ijazah sarjana dalam bidang Usuluddin di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada tahun 2000 dengan tesis bertajuk "Syeikh Muhammad al-Ghazali: Pemikiran dalam *Kayfa Nata'mal Ma'a al-Quran*". Pada 2006, mendapat Ph.D dari universiti yang sama. Beliau juga memperoleh diploma KPLI dari Maktab Perguruan Islam, Bangi pada tahun 2000 dengan keputusan cemerlang.

Beliau banyak menulis artikel dalam akhbar dan majalah sejak di alam universiti. Sehingga kini beliau telah menerbitkan hampir 60 artikel dalam akhbar Berita Harian. Dalam bidang penerbitan buku, beliau telah menerbitkan 20 buah buku antaranya ialah *Syeikh Muhammad al-Ghazali: Sejarah Hidup dan Pemikiran*, Jabatan Agama Islam Johor (1999), *Teks STPM Tamadun Islam*, Longman (2003), *ABIM dan Isu Palestin*, (2003), *Panduan Dakwah Kontemporari*, PTS Publications (2003), *Sains Politik Islam*, PTS Publications (2004), *Tokoh Islam Kontemporari*, Tradisi Ilmu (2005), *Minda Hadhari*, Tradisi Ilmu (2005), *Islam dan Demokrasi di Malaysia*, ABIM Selangor (2005), *10 Profil Sarjana Muslim paling Berpengaruh*, PTS (2009) dan *Tafsir Tematik Fi Zilal al-Rahman*, ABIM (2010) Kini beliau merupakan pensyarah di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM.

9 789675 295591